



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MEMBUDAYAKAN KESELAMATAN MAKANAN SEBAGAI BENTENG PERTAMA KESIHATAN AWAM BERLANDASKAN: *FOOD SAFETY: SCIENCE IN ACTION*

Pulau Pinang, 13 September 2025

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa dianggarkan **1 daripada 10 orang jatuh sakit setiap tahun akibat penyakit bawaan makanan**, manakala **lebih 200 penyakit** di dunia **berpunca daripada makanan tercemar**. Kos **rawatan penyakit bawaan makanan** di seluruh dunia pula dianggarkan **mencecah RM63 bilion (USD15 bilion) setahun**.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) hari ini menganjurkan **Apron Walk 2025** bertempat di pusat membeli belah KLIPPA, Batu Kawan, Pulau Pinang. Penganjuran bagi tahun ketiga ini berjaya menarik **penyertaan hampir 2,000 peserta** dan buat **julung kalinya diadakan di luar Putrajaya**. Program ini dilaksanakan bersempena sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia (*World Food Safety Day – WFSO*) 2025 dengan tema “**Food Safety: Science in Action**”.

KKM komited untuk **memperkasakan** kawalan keselamatan makanan dalam negara melalui **pelbagai strategi dan intervensi**. Ini termasuklah pelaksanaan **aktiviti advokasi pendidikan kesihatan bersifat santai dan informatif** bagi meningkatkan kesedaran masyarakat untuk mengutamakan keselamatan makanan. Ini juga merupakan antara langkah **membudayakan perspektif dan gaya hidup menitikberatkan keselamatan makanan sebagai benteng pertama kesihatan awam berlandaskan sains** selaras dengan tema pada tahun ini.

Apron Walk 2025 yang dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan hari ini dianjurkan oleh PKKM dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Zon Utara (Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis), Persatuan Keselamatan Makanan Malaysia (MAFSA) serta sokongan rakan strategik dari pihak industri makanan. Acara ini turut disemarakkan dengan pelbagai pengisian seperti Kuiz Jalanan, Pameran Interaktif Keselamatan

Makanan, ‘*Wellness on Wheel*’ (WOW), Pertandingan Mewarna, Pertandingan *Selfie-Wefie*, saringan kesihatan percuma, gerai jualan makanan dan minuman serta cabutan bertuah.

Penglibatan pelbagai pihak dan penganjuran variasi aktiviti berkaitan keselamatan makanan seumpama ini juga seiring **dengan matlamat Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS)** iaitu **melahirkan masyarakat sihat sejahtera** dengan membudayakan gaya hidup sihat berpanjangan dan memastikan pengambilan makanan yang selamat adalah antara langkah awal ke arah budaya ini. ANMS juga menggunakan **pendekatan seluruh negara atau *Whole of Nation*** dalam memastikan semua agenda kesihatan negara adalah terangkum dengan penglibatan semua pihak tidak kira latar belakang sosioekonomi.

Program ini turut bertepatan dengan **Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS)** yang disambut pada September dan **kempen “Sihat Itu Saya”**, kerana penganjuran Apron Walk 2025 dilihat sebagai aktiviti yang **menyokong amalan gaya hidup sihat**, di samping **memperkasa pengetahuan** masyarakat tentang kepentingan keselamatan makanan dalam kehidupan seharian **berasaskan ilmu sains**.

KKM akan terus menerajui dan memperkukuhkan kawalan keselamatan makanan dengan pelaksanaan pelbagai inisiatif advokasi berimpak tinggi. **Konsep “Perhati dan Pilih” serta “Lihat, Hidu, Rasa”** akan terus ditekankan dalam setiap kempen advokasi berterusan kerana ini adalah langkah mudah untuk mencegah keracunan makanan. Ini sejajar dengan nilai MADANI - *Kesejahteraan, Kemampanan, Daya Cipta dan Ihsan*.

Orang ramai juga boleh melayari laman web PKKM di <https://hq.moh.gov.my/fsq/> untuk informasi lanjut berkaitan keselamatan dan kualiti makanan di Malaysia.

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh:

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

Melalui:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kesihatan Malaysia

